



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI SALAH LAKU DALAM PENGENDALIAN OPERASI SERBUAN OLEH PENGARAH NEGERI AGENSI PENGUATKUASAAN ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI SEMBILAN

***UNTUK SIARAN SEGERA
19 MEI 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Pengarah Negeri Agensi Penguatkuasaan Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan yang dikatakan telah mengeluarkan arahan untuk menjalankan operasi serbuan ke atas sebuah kelab malam pada waktu siang sedangkan aduan yang diterima daripada Pengadu berkaitan aktiviti jenayah yang berlaku pada waktu malam. Operasi serbuan ke atas kelab malam tersebut juga dikatakan dilakukan tanpa mendapatkan kebenaran dan kelulusan khas Pengarah Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan Ibu Pejabat AADK.

Siasatan mendapati Pengarah Negeri telah gagal memberi arahan yang tepat kepada pegawai AADK serta telah ingkar Perintah kerana tidak mendapatkan kebenaran dan kelulusan khas Pengarah Penguatkuasaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan: Operasi Tempat Hiburan.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor hukuman Pengarah Negeri, AADK Negeri Sembilan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) AADK.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.